

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. EWON EBIN  
[ RANAU ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan memulakan kerja-kerja membaik pulih bagi kerosakan infrastruktur, seperti jambatan, jalan raya, bangunan sekolah, rumah guru serta kuarters hospital yang rosak akibat kesan gempa bumi yang berlaku di Ranau pada Jun 2015.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja membaikpulih bagi kerosakan infrastruktur seperti jambatan, jalan raya, bangunan sekolah, rumah guru serta kuarters hospital yang rosak akibat gempa bumi di Ranau Jun pada 2015 sedang dijalankan secara berperingkat. Antaranya projek pembaikan yang telah siap dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah adalah Jambatan Jalan Golf Masilau yang telah siap pada September 2015 dan Jalan Ranau Tambunan yang telah siap pada Februari 2016.

Selain itu, kerja-kerja pembaikan lain yang akan dibuat adalah Pembaikan Kuarters Rumah Guru di SMK Ranau oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Pembaikan Balai Polis Ranau oleh Kementerian Dalam Negeri, Pembaikan Masjid Pekan Ranau dan Pembaikan Hospital Ranau. Kerja-kerja pembaikan ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Kerja pembaikan dua (2) jambatan di Masilau Resort sepanjang 1.2km akan dilaksanakan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM), menggunakan kaedah *Bailey Bridge* dijangka siap pada tahun 2017.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY**  
**BIN JUSOH**  
**[SETIU]**  
**TARIKH** : **18 MEI 2015 [RABU]**  
**SOALAN** : **78**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah dasar Kementerian dalam membantu meningkatkan penglibatan golongan OKU dalam bidang teknologi dan inovasi

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

MOSTI sentiasa komited dalam semua agenda nasional termasuk usaha membantu meningkatkan penglibatan golongan OKU dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI). Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) telah digubal dengan matlamat untuk mewujudkan sebuah negara yang maju untuk transformasi sosioekonomi dan pertumbuhan yang inklusif termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Dalam merancang dan melaksanakan program-program **MOSTI Social Innovation (MSI)**, OKU dilibatkan bersama dalam aktiviti-aktiviti di

bawah MSI bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan dapat memberi manfaat yang maksimum kepada OKU. Contohnya penghasilan peralatan ToMeKer (gabungan tongkat, meja dan kerusi), iaitu sebuah alat inovasi untuk membantu warga emas dan OKU yang mempunyai masalah untuk berdiri supaya dapat berdiri dan bergerak sendiri.

Bagi memastikan golongan OKU sentiasa diberi perhatian, MOSTI juga memperuntukkan dana melalui ScienceFund dan InnoFund bagi projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menyumbang secara langsung terhadap idea baharu yang boleh menambah baik kualiti kehidupan golongan OKU. Sebagai contoh, melalui ScienceFund MOSTI telah menyalurkan dana bagi kajian-kajian berikut:

- (i) *“The maturation of central auditory system and its relationship with speech perception performance in children with cochlear implants”* yang bertujuan membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran dan pertuturan menggunakan satu alat khusus; dan
- (ii) *“A brain-computer interface system using steady state visual evoked potentials for communication”* bagi membantu OKU yang mempunyai masalah komunikasi dengan sistem bantuan komputer.

Selain itu, MOSTI juga memberi keutamaan kepada individu kelainan upaya untuk memohon dana bagi tujuan menjalankan program atau projek di bawah Community Innovation Fund (CIF). Antara projek yang telah dijalankan ialah:

- (i) Projek myHe@ring anjuran Pusat Majudiri Y for the Deaf iaitu pusat e-pembelajaran bagi golongan menghadapi masalah pendengaran; dan
- (ii) Pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak kelainan upaya melalui aktiviti seramik anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Perak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jabatan Standard Malaysia juga sentiasa memastikan semua standard yang dibangunkan mengambil kira keperluan OKU khususnya dalam penyediaan fasiliti dan kemudahan yang sesuai. Sebagai contoh, Standard MS1184:2002 menggariskan panduan bagi memenuhi keperluan golongan OKU di bangunan-bangunan awam. Selain itu, semua standard yang dibangunkan adalah hasil dari satu konsensus jawatankuasa yang terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan, termasuk golongan OKU. Dalam konteks ini, Persatuan Orang Buta Malaysia sentiasa terlibat bersama dalam pembangunan standard-standard yang berkaitan.

MOSTI juga terlibat dalam usaha meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti golongan OKU agar mereka lebih produktif. Sebagai contoh, Majlis Rekabentuk Malaysia sentiasa mempromosi dan menggalakkan pihak industri mengambil kira keperluan golongan OKU dalam setiap reka bentuk barangan yang dikeluarkan. Reka bentuk pembuatan (*industrial design*), reka bentuk dalaman (*interior design*) dan luaran (*exterior design*) termasuk lanskap adalah tiga perkara utama yang diberi penekanan dalam kerjasama dengan persatuan.

Sekian, terima kasih.